

**PANDUAN PERMOHONAN UNTUK MENJADI PEMERIKSA KERTAS PEPERIKSAAN
PEPERIKSAAN PUSAT KENDALIAN LEMBAGA PEPERIKSAAN**

1. Tindakan Guru:

Guru yang memohon untuk menjadi pemeriksa kertas peperiksaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1.1 Sedang berkhidmat di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan;
- 1.2 Berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
- 1.3 Mengajar mata pelajaran yang hendak diperiksa sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- 1.4 Mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di tahap yang berkenaan.

Peperiksaan	Tahap Mengajar
UPSR	Tahap 2 (Tahun 4, Tahun 5, Tahun 6)
SPM, SPMU atau SVM	Tingkatan 4 atau 5
STAM	Mengajar mata pelajaran berkenaan

- 1.5 Tidak terlibat dengan sebarang kursus/mesyuarat/persidangan/seminar/lain-lain komitmen yang menyebabkan tidak boleh hadir pada sebahagian atau sepanjang tempoh pemeriksaan dan pengurusan skrip jawapan peperiksaan.
- 1.6 Melengkapkan Borang Permohonan Menjadi Pemeriksa Kertas Peperiksaan (LP/Am 112)
- 1.7 Mengemukakan permohonan melalui Guru Besar/Pengetua.

2. Tindakan Guru Besar/Pengetua

Guru Besar/Pengetua hendaklah:

- 2.1 Mengesahkan permohonan guru.
- 2.2 Menyenaraikan nama guru yang dicadangkan menjadi pemeriksa menggunakan Lampiran A2: Rumusan Guru Yang Dicalonkan Sebagai Pemeriksa Peringkat Sekolah dan Lampiran A3: Rumusan Guru Yang Telah Dilantik Sebagai Pemeriksa Oleh Lembaga Peperiksaan.
- 2.3 Menghantar dokumen yang telah lengkap ke Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing mengikut tarikh yang ditetapkan.
 - i. Lampiran A1 : Borang LP/Am 112
 - ii. Lampiran A2 : Rumusan Guru Yang Dicalonkan Sebagai Pemeriksa Peringkat Sekolah
 - iii. Lampiran A3 : Rumusan Guru Yang Telah Dilantik Sebagai Pemeriksa Oleh Lembaga Peperiksaan